

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 23 Mei 2016 16:50
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DAYANG NURFAIZAH TAMPIL DENGAN SENYUMAN SENSASI



23 MEI 2016 / 16 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DAYANG NURFAIZAH TAMPIL DENGAN SENYUMAN SENSASI



ANJUNG TAMU ONLINE: Selaku Duta Malaysia AIDS Council (MAC), penampilan khas Dayang Nurfaizah di Welcome Centre sedikit sebanyak memberi kesan yang mendalam apabila gaya beliau yang energetik dan mesra mampu menyuntik inspirasi kepada para peminat setia yang berada di UUM.

Dayang Nurfaizah Awang Dowty atau lebih dikenali dengan nama Dayang Nurfaizah, penyanyi tanah air kelahiran Sarawak ini popular dengan lagunya yang meletup, “Seandainya Masih Ada Cinta” yang dinobatkan sebagai lagu paling popular serantau di Anugerah Planet Muzik.

Beliau yang sentiasa mengukir senyuman semasa diberi taklimat sambil melawat amat berbangga mengetahui bahawa UUM merupakan universiti pertama menubuhkan Welcome Centre bagi menyambut kedatangan tetamu serta ribuan pelawat terdiri dari seluruh dunia sejak ditubuhkan pada tahun 2014.

Malah, beliau gembira menerima sijil penghargaan lawatan sempena Discover UUM.

“Tahniah dan syabas”, katanya.

Hadir mengiringi beliau, Pensyarah School of Applied Psychology, Social Work and Policy UUM CAS (SAPSP), Dr. Fatimah Zailly Ahmad Ramli serta Sharima Ruwaida Abbas yang akan terus bersama beliau sempena kempen kesedaran HIV/AIDS SAPSP Discover UUM anjuran bersama Majlis Aids Kebangsaan.

Sebagai tanda terima kasih beliau yang diraikan semasa di UUM, Dayang meninggalkan ucapan kepada semua warga kampus,

“Dayang sayang kamu, terima kasih semua”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

